

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM.**

**TAJUK : GEJALA DAN IMPLIKASI PERLUMBAAN HARAM
YANG DICETUSKAN OLEH GOLONGAN BERMOTOSIKAL DI
DAERAH KUANTAN.**

**DISEDIAKAN OLEH : MOHD KASHFI BIN AWG @ SHAPIEA
NO MATRIK : 96164173
SESSI : 1999 – 2000**

**JABATAN SENIREKA PERINDUSTRIAN,
FAKULTI SENILUKIS DAN SENIREKA,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
40450 SHAH ALAM,
SELANGOR**

Dengan nama Allah yang maha pemurah dan maha pengasih,

Syukur “Alhamdulillah” segala puji Allah yang mencipta seluruh alam dan yang telah mengutuskan Nabi Muhammad S.A.W. sebagai rasul untuk membawa petunjuk kepada umat manusia.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah memberi kerjasama dalam menyiapkan hasil penyelidikan ini terutamanya kepada

1. En Mazlan Bin Abd Majid. (Ketua Kursus Senireka Perindustrian).
2. En Elias Bin Ahmad. (Penasihat).
3. Prof Tamyez Bin Bajuri. (Pensyarah).
4. Ahmad Washid Bin Abd Majid. (ASP).
5. Koperal Eteng A/L Eseng.
6. Koperal Haniff Bin Abdullah.
7. Kesemua pensyarah Senilukis dan Senireka
8. Rakan – rakan.
9. Kedua Ibu bapa.
10. Kepada mereka yang turut terlibat.

SINOPSIS

Definisi perlumbaan haram bermaksud bila ada orang yang menaja perlumbaan tersebut dan ada orang yang menyertainya. Jika tidak ada penaja, ia lebih dikenali kepada "lari laju" atau memandu secara merbahaya. Lumba haram dilakukan tanpa permit dan ia tidak dikira lumba haram sekiranya ia dijalankan di tempat khas yang mempunyai permit dan ada penganjur, misalnya di batu 3 Shah Alam.

Isu lumba haram sudah lama diperkatakan sejak dulu lagi. Walaupun begitu gejala ini masih lagi berterusan sehingga kini dan bilangan mereka yang terlibat sejak kebelakangan ini terus meningkat terutamanya golongan peringkat remaja. Ramai remaja yang telah terkorban atau cacat kerana terlibat dalam kegiatan ini, tidak kurang juga yang terpaksa tidur dilokap kerana ditahan beramai-ramai. Namun, sehingga kini gejala ini masih "popular" di kalangan remaja. Mereka menjadikan ia sebagai medan untuk menunjukkan kebolehan tetapi pada hakikatnya mereka seolah mengadai nyawa mereka sendiri. Walaupun banyak kes yang boleh dijadikan contoh namun mereka ini seolah-olah tidak serik.

ISI KANDUNGAN

SINOPSIS	I - II
TUJUAN	III
KAEDAH	IV
RUMUSAN	V – VI
<u>BAB 1</u>	
1.1 OBJEKTIF KAJIAN	1
1.2 METODOLOGI KAJIAN	2 - 5
1.3 HAIPOTESIS	6
<u>BAB 2</u>	
2.1 DEFINISI MOTOSIKAL	7 – 8
2.2 SEJARAH PENCIPTAAN	9 – 10
2.3 PERKEMBANGAN DAN TEKNOLOGI TERKINI	11 – 20
<u>BAB 3</u>	
SKOP KAJIAN	
3.1 KUANTAN	21 – 24
3.2 SISTEM PERHUBUNGAN	25 – 26
3.3 TANJUNG LUMPUR	27
3.4 JALAN KUANTAN GAMBANG	28 – 29
3.5 PENOR	30 – 31

TUJUAN

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti apakah punca yang mendorong penunggang-penunggang motosikal terlibat dengan perlumbaan haram ini walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak, namun permasalahan ini masih berlaku dan berada di tahap yang membimbangkan. Mereka yang menyertai perlumbaan haram ini hampir keseluruhannya memodifikasi motosikal masing-masing sehingga boleh mendatangkan bahaya kepada pemiliknya sendiri kerana tidak menepati syarat yang telah ditetapkan serta mengabaikan ciri-ciri keselamatan. Penekanan yang diberikan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti jenis modifikasi yang dilakukan ke atas motosikal yang terlibat dengan perlumbaan haram.
2. Mengenal pasti jenis motosikal yang popular digunakan untuk aktiviti ini.
3. Mengkaji implikasi yang timbul dari gejala ini.
4. Mengkaji rekabentuk dan teknologi motosikal.